INSTITUT
TEKNOLOGI
MARA

USAHA JAYA MARA

# BUKU PANDUAN

# BUKU PANDUAN

**CATATAN**

Maklumat yang terdapat dalam buku ini adalah benar pada masa ia dicetak dan Institut berhak membuat pindaan apabila dianggapkan perlu tanpa membuat pengumuman terlebih dahulu

Pertanyaan mengenai sesuatu kursus hendaklah dialamatkan kepada Ketua Kajian berkenaan.

JANUARI 1988

# PERINGATAN

"Jika anda penagih dadah anda tidak layak memohon masuk ke ITM".

Rujuk Para 9 Borang KRP1;

Para ini juga meliputi calon yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi termasuk ITM.

# ISI KANDUNGAN M/S


| | |
|---|---|
| PERINGATAN SEBELUM MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN | 1-7 |
| CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN | 8 |
| SYARAT KELAYAKAN KEMASUKAN KE KURSUS-KURSUS | 9-39 |
| KEMASUKAN KE KURSUS JANGKA PENDEK | 40-41 |
| KEMASUKAN KE KURSUS IJAZAH | 42 |
| KURSUS-KURSUS YANG DITAWARKAN DI KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN | 43-44 |
| PANDUAN MENGISI BORANG KRP2 & KRP6 | 45-53 |
| YURAN DAN BAYARAN | 54-55 |
| HAL EHWAL PELAJAR | 56-58 |

# PERINGATAN SEBELUM MENGHANTAR BORANG PERMOHONAN

Tahukah anda bahawa permohonan anda akan ditolak sekiranya anda membuat kesilapan mengisi borang atau tidak mengikut peraturan-peraturan permohonan sebagaimana ditetapkan.

Untuk mengelakkan perkara ini terjadi anda adalah dinasihatkan supaya *sebelum mengisi* dan mengembalikan borang permohonan *membaca* dengan teliti dan *memahami* segala panduan dan peraturan yang diberikan terutama (i) di bawah tajuk Panduan Mengisi Borang dalam buku ini (ii) dalam Borang Permohonan dan (iii) sepertimana diberikan di bawah ini.

A) **Jenis-Jenis Borang Yang Perlu Diisi**

1) BORANG KRP1 dan KRP2 — untuk diisi oleh calon yang memohon kursus-kursus di peringkat diploma/sijil yang syarat kelayakan masuk ialah lulus SPM atau setaraf atau STPM atau setaraf iaitu kursus-kursus selain dari yang disebutkan dalam (2) dan (3) di bawah.

2) BORANG KRP3 dan KRP2 — untuk diisi oleh calon yang memohon kursus-kursus di peringkat diploma lanjutan/post graduate diploma/ijazah yang syarat kelayakan masuk ialah lulus diploma/ijazah.

3) BORANG KRP5 dan KRP6 — untuk diisi oleh calon yang memohon kursus Certificate in Hotel and Restaurant Services (CHRS) pengkhususan Assistant Cook/Front Office Reception/Waiting/House-keeping.

*Catatan* : Borang KRP2 dan KRP6 adalah borang komputer iaitu borang yang akan diproses oleh komputer. Oleh yang demikian ianya hendaklah diisi dengan cermat, bersih dan terang. Tulisan yang keliru atau tidak terang akan ditolak. Anda adalah dinasihatkan menulis pada setiap borang dengan menggunakan dakwat hitam.

B) **Alamat Menghantar Borang**

Borang-borang permohonan yang sudah dilengkapi *mestilah* dihantar ke salah satu daripada alamat di bawah. Borang yang dihantar ke alamat selain daripada yang ditetapkan ini akan ditolak.

1) Calon-calon yang tinggal di *Semenanjung Malaysia* dan juga calon-calon *bukan warganegara* Malaysia mestilah menghantar borang permohonan (gunakan sampul surat 'A' sekiranya disediakan) kepada: Pejabat Pendaftar. Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar, ITM, 40450 Shah Alam, Selangor DARULEHSAN.

2) Calon-calon yang tinggal di *Sarawak* mestilah menghantar borang permohonan kepada: Pengetua, ITM Cawangan Sarawak, Peti Surat 1258, Semenggok, Batu 12, 93912, Kucing, Sarawak (jangan gunakan sampul surat 'A' jika disediakan oleh ITM, dan sila gunakan sampul surat sendiri berukuruan 20cm × 25cm).

3) Calon-calon yang tinggal di *Sabah* mestilah menghantar borang permohonan kepada: Yayasan Sabah — ITM, Peti Surat 2161, 88736 Kota Kinabalu, Sabah (jangan gunakan sampul surat 'A' jika disediakan oleh ITM dan sila gunakan sampul surat sendiri berukuran 20cm × 25cm).

4) Calon–calon yang memohon kursus *diploma lanjutan/post graduate diploma/ijazah* yang dikehendaki mengisi Borang KRP3 dan KRP2, mestilah menghantar borang permohonan terus ke kampus Shah Alam seperti alamat dalam (1) di atas.

C) **Pemohon-Pemohon Bekas Pelajar Pusat Pengajian Tinggi**

Permohonan dari calon-calon yang diberhentikan kerana gagal dalam pengajian di institusi pengajian tinggi dibenarkan membuat permohonan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:–

1) Berhenti dari Institusi berkenaan disebabkan gagal dalam peperiksaan. Calon-calon yang diberhentikan oleh kerana tindakan disiplin tidak dibenarkan sama sekali membuat permohonan. Sekiranya anda terus juga memohon pihak ITM berhak menolak permohonan anda atau menarik balik tawaran sekiranya telah ditukarkan tempat.

2) Menyertakan surat pengesahan yang dikeluarkan oleh institusi pengajian tinggi tersebut menerangkan sebab-sebab anda diberhentikan. Surat pengesahan ini hendaklah dihantar bersama borang permohonan. Ianya tidak boleh dihantar secara berasingan.

3) Memohon kursus, sama ada pilihan pertama atau kedua yang tidak mempunyai kaitan langsung dengan kursus yang diambil sebelumnya. Contoh: bekas pelajar Diploma/Bachelor in Civil Engineering atau Diploma in Land Surveying dari UTM tidak boleh memohon mana-mana kursus yang ditawarkan oleh Kajian Kejuruteraan ITM.

4) Kepada bekas-bekas pelajar institusi pengajian tinggi tempatan atau luar negeri termasuk ITM, permohonan mereka hanya dipertimbangkan setelah SETAHUN berhenti dari institusi tersebut.

Sekiranya anda memohon juga kursus yang anda tidak boleh memohon, pihak ITM berhak menolak permohonan tersebut atau menarik balik tawaran sekiranya tawaran telah dibuat.

Para 9 Borang Permohonan KRP1 adalah bertujuan untuk menyemak kembali prestasi seseorang pelajar yang pernah belajar di mana-mana institusi pengajian tinggi di dalam atau di luar negeri. Tujuannya ialah untuk memberi bimbingan dan kaunseling kepada pelajar-pelajar baru di Institut. Sekiranya pemohon GAGAL mengisytiharkan fakta yang sebenarnya, maka pihak Institut mungkin tidak boleh membantu pelajar-pelajar yang telah gagal di institut pengajian tinggi yang lain dalam kursus baru di ITM. Para ini bukanlah bertujuan untuk menghukum mana-mana pelajar yang pernah belajar di mana-mana institusi pengajian tinggi dengan tidak mempertimbangkan kemasukan mereka ke institut.

Adalah menjadi dasar Institut untuk tidak mempertimbangkan kursus yang sama atau berkaitan yang dipohon oleh pelajar yang telah gagal dalam kursus itu di institusi pengajian tinggi yang lain. Walau bagaimanapun pihak Institut akan mempertimbangkan mana-mana permohonan bagi kursus-kursus lain yang dianggap seseorang pelajar itu mampu untuk mengikutinya.

Bagi maksud borang ini, definasi institusi pengajian tinggi tidak termasuk:-

1. Kursus-kursus persediaan untuk memasuki pengajian tinggi.

2. Kursus Matrikulasi.

3. Kursus Sains Asasi.

4. Tingkatan 6 mana-mana sekolah/kolej.

5. Kursus Politeknik.

Calon-calon yang pernah atau sdang menuntut di kursus-kursus di atas kecuali Politeknik dikehendaki menulis di penjuru sebelah atas muka depan borang permohonan dengan kursus yang pernah diikuti mereka. Jika sedang atau masih menuntut kursus di atas, sila tulis 'SEDANG BELAJAR KURSUS ...........'. Sekiranya pemohon-pemohon tidak dapat mengemukakan surat pengesahan berhenti seperti mana dikehendaki dalam para C2, ianya memadai dengan memberi slip peperiksaan semester terakhir dengan syarat slip ini ada mencatatkan sebab-sebab anda berhenti dari mengikuti kursus.

Pemohon-pemohon yang sedang belajar di pusat pengajian tinggi adalah tidak dibenarkan membuat permohonan kecuali mereka yang:-

i) akan memohon kursus-kursus peringkat Ijazah/Diploma Lanjutan/Post Graduate Diploma.

ii) bakal-bakal graduan kursus peringkat sijil seperti Sijil Politeknik, CTRP dan CHRS dari ITM.

Memberi maklumat-maklumat yang benar sepertimana dikehendaki dalam perkara 9 borang permohonan KRP1 dan juga dalam ruangan berkenaan dalam Borang KRP2.

Selain daripada penerangan yang diberikan di atas calon-calon berkenaan diminta ambil perhatian kepada beberapa maklumat tambahan seperti berikut:-

D) **Pemohon-Pemohon Lulusan Certificate in Town and Regional Planning ITM dan lulusan Politeknik**

Permohonan dari calon-calon lulusan Certificate in Town and Regional Planning dari ITM yang memohon kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur (sahaja) adalah dikehendaki menulis/mencatatkan (dengan pen) perkataan CTRP-ITM di mana-mana tempat di sebelah atas bahagian hadapan Borang Permohonan KRP1 dan juga di atas sampul surat borang. Perkataan ini ditulis dengan ukuran yang senang dilihat sebaik-baiknya 1½cm x 5cm.

Calon-calon lulusan Sijil dalam bidang-bidang berkaitan dari Politeknik Ungku Omar atau yang diiktiraf oleh Kerajaan setaraf dengannya adalah dipelawa untuk memohon (i) kursus-kursus yang ditawarkan oleh Kajian Senibina, Perancangan dan Ukur (ii) kursus-kursus Diploma in Business Studies dan Diploma in Banking Studies yang ditawarkan oleh Kajian Perniagaan dan Pengurusan/kursus Diploma in Accountancy dari Kajian Perakaunan/kursus Diploma in Public Administration dari Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang.

Di sebelah atas bahagian hadapan Borang Permohonan KRP1 dan juga pada sampul surat borang, hendaklah dicatat perkataan POLI-KSPU bagi memohon kursus-kursus (i) dan POLI-BUS bagi yang memohon kursus-kursus (ii) di atas. Perkataan ini perlu ditulis dengan ukuran yang senang dilihat sebaik-baiknya 1½sm x 5sm.

E) **Penyemakan Terakhir Maklumat Dan Lampiran Borang Permohonan**

Sebelum anda mengembalikan borang, sila semak dengan teliti sama ada perkara-perkara berikut telah anda laksanakan/patuhi dengan cara menanda (✓) dalam kotak disediakan.

☐ Menyertakan salinan sijil beranak,

☐ Menyertakan salinan sijil peperiksaan SRP/LCE (untuk kursus CHRS sahaja), SPM/MCE, STP/HSC, Diploma/Ijazah dan sijil-sijil lain yang dianggap perlu.

☐ Salinan sijil-sijil di atas (jangan hantar sijil-sijil asal) yang telah disahkan oleh pegawai yang mempunyai kuasa seperti tersebut di muka hadapan borang permohonan.

☐ Melekatkan sekeping gambar ukuran pasport di dalam ruangan yang disediakan dalam borang permohonan.

☐ Memohon kursus yang diiklankan sahaja.

☐ Bagi calon-calon bukan warganegara Malaysia atau pemegang kad pengenalan merah Malaysia hendaklah menyertakan salinan kad pengenalan atau pasport.

☐ Ruangan tandatangan pemohon dalam borang permohonan sudah anda tandatangani.

☐ Ruangan tandatangan bapa/penjaga dalam borang permohonan sudah ditandatangani

☐ Ruangan tandatangan pengakuan pegawai atau majikan ditandatangani

☐ Menyertakan kad pengesahan penerimaan borang (KAD K88) yang telah diisi dan dilekatkan dengan stem 15 sen.

☐ Karangan dalam Bahasa Inggeris sebanyak lebih kurang 100 perkataan telahpun dibuat dalam borang permohonan. (KRP1 & KRP5 sahaja).

**PENERANGAN DAN MAKLUMAT KHAS**

1. **Kursus-Kursus Temuduga ialah:-**

AC20, AD10, AD19, AD30, AL12, AP09, AP11, AP13, AP17, AP18, AP21, AP23, AP24, AP26, BM20, BM21, HC05, HC06, HC07, HC08, HC09, HC10, HC11, HC12, HC14, MC10, SS10 dan SS14. Untuk kursus lain pemilihan dibuat secara terus melalui komputer tanpa menjalani temuduga.

Bagi calon-calon yang memohon kursus AP09, AP11, AP 13, AP17 dan AP18, harap maklum bahawa anda juga dikehendaki mengambil ujian melukis semasa temuduga sekiranya anda mendapat kepujian 5 atau ke bawah (termasuk lulus, gagal atau tidak mengambil) dalam matapelajaran Lukisan atau Lukisan Geometrik dan Bangunan atau Lukisan Geometrik dan Mekanik di peringkat SPM/MCE.

Harap ambil perhatian bahawa calon-calon yang memenuhi syarat kelayakan masuk sepertimana ditetapkan serta memohon kursus tersebut sebagai pilihan pertama sahaja dipanggil untuk temuduga.

Temuduga serta ujian melukis tidak diberi pertimbangan ke atas kursus pilihan kedua walaupun memenuhi syarat kelayakan masuk.

Bagi calon-calon yang memilih kursus yang memerlukan temuduga atau ujian bertulis sebagai kursus pilihan pertama mereka, harap ambil perhatian bahawa temuduga cuma diadakan di tempat-tempat sepertimana ditetapkan sahaja. Sila pilih salah satu tempat yang anda kehendaki dan isikan dalam Borang KRP2 atau KRP6 dengan menggunakan kod yang ditetapkan.
(Sila lihat m.s. 50)

Bagi calon-calon yang memohon kursus-kursus yang tiada **temuduga** atau *ujian melukis* adalah juga dikehendaki mencatatkan pusat temuduga di dalam borang KRP2 atau KRP6. Pusat-pusat temuduga bolehlah dipilih dari mana-mana 38 pusat yang diberikan di dalam Panduan Mengisi Borang KRP2 dan KRP6. Jangan sekali-kali mengosongkan ruangan kod pusat temuduga dalam borang permohonan.

B) **Nasihat Cara-Cara Memilih Kursus Pilihan Pertama**

Terdapat juga ramai di antara calon-calon yang mempunyai kelayakan yang agak memuaskan tetapi tidak dapat memasuki ITM kerana tersalah pilih kursus.

Misalnya anda berminat mengikuti kursus Diploma in Computer Science, tetapi anda tidak mempunyai kelayakan yang cukup seperti yang ditetapkan. Sebaliknya kelayakan anda itu memenuhi syarat bagi kursus Diploma in Banking Studies. Pilihan yang anda patut buat, walaupun di luar kemahuan anda ialah memilih kursus Diploma in Banking Studies sebagai pilihan pertama dan Diploma in Computer Science sebagai pilihan kedua. Dengan lain perkataan anda mestilah mendahulukan kehendak syarat kelayakan masuk semasa membuat pilihan kursus.

Kebiasaannya, pihak ITM tidak memberi pertimbangan ke atas pilihan kedua kecuali kursus tersebut menghadapi masalah kekurangan calon.

Sekiranya anda memenuhi syarat kelayakan masuk dalam satu-satu kursus, tidaklah bermakna anda akan ditawarkan tempat. Persaingan antara calon-calon dalam kursus tersebut akan diambil kira iaitu kami terpaksa menawarkan calon-calon yang mempunyai kelayakan yang lebih baik.

Sekiranya kelayakan anda itu tidak memenuhi syarat bagi mana-mana kursus, anda bolehlah memilih mana-mana kursus yang paling hampir dengan kelayakan anda. Contohnya, anda memenuhi syarat kelayakan masuk kecuali matapelajaran Bahasa Inggeris yang anda cuma memperolehi lulus sahaja. Dengan ini anda bolehlah cuba memilih kursus-kursus seperti AC10, AL10, BM11, BM12, MC10 dan LS10.

C) **Nombor Permohonan**

Nombor permohonan ini akan diberi apabila pihak ITM mengembalikan kepada anda kad pengesahan penerimaan borang (KAD K88), yang terletak di kulit belakang buku ini. Sila ceraikan kad tersebut untuk dihantar kepada pihak kami.

KAD K88 akan dikembalikan kepada anda dalam tempoh tidak lewat dari 40 hari selepas tarikh tutup permohonan.

D) **Pendapatan Bulan Ibu/Bapa/Penjaga**

Pihak ITM akan membuat penyiasatan yang rapi untuk mempastikan maklumat pendapatan ibu/bapa/penjaga yang diberikan dalam borang permohonan adalah benar.

Jika kami dapati maklumat yang diberikan itu salah atau tidak benar, maka tindakan akan diambil ke atas mereka mengikut peraturan ITM. Dengan ini sebelum anda mengisi ruangan pendapatan, sila semak terlebih dahulu dengan ibu/bapa penjaga anda.

Penyiasatan ini antara lain akan dibuat dengan cara menghubungi majikan. Bagi ibu/bapa penjaga yang bekerja sendiri seperti berniaga, pegawai-pegawai ITM akan membuat penyiasatan terus ke rumah masing-masing.

E) **Bangsa Ibu dan Bapa**

Bangsa ibu dan bapa yang anda berikan dalam borang permohonan mestilah diambil mengikut keterangan yang diberikan dalam surat beranak anda dalam ruangan bangsa ibu dan bangsa bapa. Permohonan akan ditolak sekiranya tiada persamaan antara keterangan yang diberikan dalam borang permohonan dengan surat beranak. Sekiranya bangsa ibu tiada disebutkan dalam surat beranak, anda bolehlah catatkan bangsa yang anda fikir sesuai dan menyertakan salinan kad pengenalan ibu.

# CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN

**Kelayakan Memohon**

Calon-calon mestilah terdiri daripada bumiputra rakyat Malaysia, berumur sekurang-kurangnya 16 tahun pada masa permohonan dibuat dan mestilah mempunyai kelayakan masuk yang dikehendaki oleh Institut.

**Permohonan**

**Institut ini menerima masuk pelajar-pelajar dua kali setahun iaitu dalam bulan** *Januari* dan *Julai*. Biasanya, pengambilan untuk bulan Januari terhad kepada beberapa kursus sahaja. Iklan bagi kemasukan bulan Januari disiarkan dalam bulan *Ogos* tahun sebelumnya melalui akhbar-akhbar tempatan, dan untuk kemasukan bulan Julai, dalam bulan *Februari* tahun tersebut. Permohonan bagi mendapatkan borang permohonan atau untuk mengemukakan borang permohonan, cuma boleh dibuat apabila satu-satu pengambilan itu dibuka iaitu dari bulan Ogos hingga Oktober tahun sebelumnya bagi sessi Januari dan dari bulan Februari hingga pertengahan bulan April bagi sessi Julai.

**Borang Permohonan**

Setiap calon mestilah mengemukakan permohonan dengan menggunakan borang rasmi.

Borang-borang permohonan boleh didapati dari Pejabat Pendaftar, Bahagian Kemasukan dan Rekod Pelajar, Institut Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Permohonan melalui surat hendaklah disertakan dengan bayaran $5.00 (bagi tiap-iap satu set borang) melalui Wang Kiriman Pos (Money Orde)r atau Bank Draf Berpalang (Wang tunai dan Wang Pos Malaysia (postal order tidak diterima). Sampul surat berukuran 20 cm × 28 cm bersetem 85 sen dan ditulis nama dan alamat sendiri hendaklah disertakan semasa memohon borang permohonan.

Tarikh akhir bagi penerimaan borang-borang yang lengkap akan dinyatakan dalam iklan. Permohonan yang lewat *tidak akan dilayan.*

**Permohonan Lebih Daripada Satu Borang**

Permohonan akan ditolak sekiranya didapati calon mengemukakan lebih dari satu borang permohonan.

**Pemberitahu Berjaya/Tidak Berjaya**

Mana-mana calon yang tidak menerima apa-apa jawapan dari Institut sama ada berjaya atau tidak dalam tempoh 60 hari selepas tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya. Tidak ada surat menyurat akan dibuat mengenainya.

# SYARAT KELAYAKAN KEMASUKAN KE KURSUS-KURSUS

KAJIAN PERAKAUNAN
(School of Accountancy)

| KURSUS | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|
| AC 10 | Diploma in Accountancy | 3 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan dua kepujian lain. |
| AC 50 | The Chartered Institute of Management Accountants (UK) | | Lulus STP/HSC/STPM dengan mendapat Lulus penuh dalam dua matapelajaran<br><br>DAN<br><br>Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran:<br>a. Bahasa Inggeris (121) atau (122)<br>b. Matematik<br>c. Satu matapelajaran lain<br><br>ATAU<br><br>Kelulusan lain yang diiktiraf setaraf oleh Badan tersebut sebagai asas kelayakan masuk. |
| AC 51 | The Chartered Association of Certified Accountants (U.K) | 4 | - SAMA - |
| AC 52 | Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA). | 4 | a) Sekurang-kurangnya dua kelulusan peringkat prinsipal di dalam sekali peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia<br><br>DAN<br><br>b) Kelulusan kredit di dalam matapelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik dan lulus di dalam Bahasa Malaysia di dalam peperiksaan MCE/SPM. |

| KURSUS | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|
| | | Kelùlusan yang berikut dianggap setaraf dengan kelulusan kredit dalam matapelajaran Bahasa Inggeris dan Matematik peperiksaan MCE/SPM.<br><br>1. (a) Lulus di dalam Bahasa Inggeris<br>(b) Kelulusan kredit di dalam Kesusasteraan Inggeris dan<br>(c) Kelulusan kredit di dalam Matematik<br><br>ATAU<br><br>2. (a) Lulus di dalam Bahasa Inggeris<br>(b) Kelulusan kredit di dalam Matematik dengan<br>(c) Lulus Kertas Am di dalam peperiksaan HSC/STP/STPM<br><br>ATAU<br><br>3. (a) Lulus di dalam Bahasa Inggeris<br>(b) Lulus di dalam Matematik dengan<br>(c) Lulus di dalam Kertas Am dan sekurang-kurangnya kelulusan subsidiary di-dalam Matematik dalam peperiksaan HSC/STP/STPM.<br><br>ATAU<br><br>4. (a) Kepujian di dalam Bahasa Inggeris<br>(b) Lulus di dalam Matematik<br>(c) Kepujian di dalam Pera-kaunan dan Perdagangan. |

| KURSUS | | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|---|
| AC | 20 | Advanced Diploma in Accountancy | 2½ | i) Lulus Diploma in Accountancy dari ITM atau Diploma yang diiktiraf setaraf dengannya dan CGPA 2.50 atau lebih.<br><br>ii) Calon-calon yang mempunyai CGPA kurang dari 2.50 beserta sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja yang diiktiraf boleh juga dipertimbangkan. |

KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA
(School of Art and Design)

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| AD | 10 | Diploma in Art & Design<br><br>Bidang pengkhususan:<br><br>Fine Art<br>Graphic Design<br>Textile Design<br>Fine Metal<br>Industrial Design<br>Potery Ceramics<br>Fashion Design | 4 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran berikut:-<br><br>1. Lukisan<br>2. Bahasa Malaysia, dan<br>3. Tiga matapelajaran lain |
| AD | 17 | Diploma in Photography | 3 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia, Lukisan dan 1 kepujian lain. Untuk kepujian yang lain keutamaan diberi kepada matapelajaran Bahasa Inggeris, Rampaian Sains dan Matematik. |

| KURSUS | | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|---|
| AD | 19 | Diploma in Music<br>(Sessi Januari sahaja) | 4 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia dan 4 kepujian lain.<br><br>*Catatan:* Calon-calon akan ditemuduga dan juga dikehendaki mempersembahkan dua buah lagu dengan menggunakan sekurang-kurangnya satu alat muzik *atau* menyanyi dua buah lagu pilihan sendiri. Lagu-lagu yang dipilih mestilah berlainan tempo dan panjangnya tidak kurang dari 3 minit. Di samping itu calon-calon adalah juga dikehendaki menjalani ujian pendengaran (aural test) yang ringkas<br><br>Tempat temuduga dan persembahan lagu-lagu cuma diadakan di kampus Shah Alam. Bagi calon-calon yang tinggal di luar Semenanjung Malaysia dan Singapura dan menghadapi kesulitan untuk datang ke Shah Alam diberi pengecualian menghadiri temuduga. Mereka ini hendaklah mengemukakan rakaman pita kaset (cassette tapes) lagu-lagu nyanyian solo atau permainan alat-alat muziknya bersama borang permohonan atau dihantar secara berasingan dalam tempoh 20 hari selepas tarikh tutup permohonan. |

| KURSUS | | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|---|
| AD | 30 | Art Teachers' Diploma (Sessi Januari sahaja) | 1 | Lulusan Diploma in Art & Design dari ITM atau Ijazah/Diploma yang diiktiraf di dalam bidang Senilukis dan Senireka dari Institusi lain. |

KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
(School of Administration and Law)

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| AL | 10 | Diploma in Public Administration | 3 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan 2 kepujian lain. |
| AL | 12 | Diploma in Law | 3 | Lulus STPM/STP/HSC dengan mendapat sekurang-kurang DUA (2) kelulusan penuh yang baik di peringkat prinsipal (tidak termasuk matapelajaran Lukisan) serta mendapat LIMA (5) kepujian diperingkat SPM/MCE dengan salah satu daripadanya ialah matapelajaran Bahasa Inggeris.<br>ATAU<br>(A) Lulus SPM/MCE dengan: Mendapat LIMA (5) kepujian yang baik termasuk Bahasa Inggeris (Lukisan tidak dikira) yang diambil pada satu kali peperiksaan.<br>(B) Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja yang berkaitan dengan undang-undang atau kerja-kerja iktisas yang diluluskan oleh Jawatankuasa Kelayakan Khas Kemasukan Kajian.<br>Calon mestilah dianjurkan majikan. |
| * | | Nota: (3½ tahun untuk pelajar-yang tidak mempunyai kecekapan Bahasa Inggeris). | | |

| KURSUS | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|
| AL 22 | Advanced Diploma in Law | 1 | Syarat Kelayakan Masuk Kursus AL22 Advanced Diploma in Law Lulus Diploma in Law dari ITM dengan mendapat sekurang-kurangnya CGPA 2.50.<br>*Nota:* Diploma in Law dari ITM telah diiktiraf setaraf dengan Ijazah Am dari universiti-uiversiti tempatan.<br>Advanced Diploma in Law dari ITM diiktiraf setaraf dengan ijazah LL.B (Hons). Graduan boleh mendaftar sebagai Peguambela dan Peguamcara selepas memenuhi syarat-syarat yang ditentukan oleh Majlis Peguam. |
| AL 50 | Institute of Chartered Secretaries and Administrators (UK) | 4 | i) Lulus STP/HSC/STPM atau setaraf dengan mendapat 2 Prinsipal (Kertas Am tidak dikira) dan<br>ii) Lulus SPM/MCE atau setaraf dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris (121) atau (122) dan dua kepujian lain dalam matapelajaran-matapelajaran berikut:<br>Perakauan Sains Pertanian, Ilmu Kajipurba, Kajihayat, Botani, Perlembagaan British, Ilmu Perniagaan, Kimia, Perdagangan, Sains Komputer, Ekonomi, Elektronik, Sains Kejuruteraan, Kesusasteraan Inggeris, Ilmu Alam Sekitar 'Environmental Studies', Kertas Am, Sains Am, Ilmu Alam, Geologi, Bahasa Greek, Sejarah, Sejarah dan Sains Falsafah, Horticultural Science, Bahasa Latin, 'Modern Language or Language', Matematik. |

| KURSUS | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|
| | | 'Logic', Muzik, Ilmu Pelayaran, Fizik, Prinsip Undang-Undang, Agama Sosiologi , Perangkaan, Kaji Ukur, Sains Teknikal, Zoologi. |

KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
(School of Architecture, Planning and Surveying)

KURSUS: AP09 Certificate in Town And Regional Planning
JANGKA MASA: 2 TAHUN
KELAYAKAN MASUK: LULUS SPM/MCE DENGAN MENDAPAT KEPUJIAN DALAM MATAPELAJARAN BERIKUT:-

| Kumpulan | Matapelajaran-matapelajaran terkandung di dalam kumpulan | Kelulusan minima yang diperlukan |
|---|---|---|
| A | Bahasa Malaysia dan<br>Bahasa Inggeris | Kepujian 6<br>Lulus |
| B | Geografi | Kepujian 6 |
| * C | Lukisan atau<br>Lukisan Geometrik & Bangunan atau<br>Lukisan Geometrik & Mekanik | Kepujian 4 |
| D | Matematik atau<br>Matematik Tambahan | Lulus |

*Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat keperluan kumpulan seperti tercatat di atas.

Calon-calon yang tidak mencukupi syarat kumpulan C, diwajibkan menduduki Ujian Khas Lukisan dan Temuduga yang akan diadakan di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

KURSUS: AP11 Diploma in Town And Regional Planning
JANGKA MASA: 3 TAHUN
KELAYAKAN MASUK: LULUS SPM/MCE DENGAN MENDAPAT KEPUJIAN DALAM MATAPELAJARAN BERIKUT:-

| Kumpulan | | Matapelajaran-matapelajaran terkandung di dalam kumpulan | Kelulusan minima yang diperlukan |
|---|---|---|---|
| 1 | A | Bahasa Malaysia dan<br>Bahasa Inggeris | Kepujian 6<br>Lulus |
| | B | Matematik atau<br>Matematik Tambahan | Kepujian 6 |
| | C | Rampaian Sains atau<br>Fizik<br>Kimia<br>Rampaian Sains Tambahan | Kepujian 6 |
| | D | Geografi atau<br>Ilmu Ukur | Kepujian 6 |
| | *E | Lukisan atau<br>Lukisan Geometrik & Bangunan<br>Lukisan Geometrik & Mekanik | Kepujian 4 |
| | ** | ATAU | |
| 2 | | Lulusan Sijil Perancang Bandar & Wilayah dengan mendapat CGPA 2.5 atau lebih, beserta sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja yang diiktiraf boleh juga dipertimbangkan. | |

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat keperluan kumpulan seperti tercatat di atas.

*Calon-calon yang tidak mencukupi syarat kumpulan E, diwajibkan menduduki Ujian Khas Lukisan dan temuduga yang akan diadakan di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

**Calon-calon yang memenuhi syarat kumpulan 2, akan dimasukkan terus ke tahun 2. *Keutamaan* akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai penganjur kewangan daripada majikan.

KURSUS: AP13 Diploma in Architecture
JANGKA MASA: 4 TAHUN
KELAYAKAN MASUK: LULUS SPM/MCE DENGAN MENDAPAT KEPUJIAN DALAM MATAPELAJARAN BERIKUT:-

| Kumpulan | Matapelajaran-matapelajaran terkandung di dalam kumpulan | Kelulusan minima yang diperlukan |
|---|---|---|
| A | Bahasa Malaysia dan<br>Bahasa Inggeris | Kepujian 6<br>Lulus |
| B | Matematik atau<br>Matematik Tambahan<br>Matematik Tulin<br>Matematik Gunaan | Kepujian 6 |
| C | Rampaian Sains atau<br>Sains Tambahan<br>Fizik<br>Kimia<br>Sains Fizikal | Kepujian 6 |
| D | Geografi atau<br>Sejarah<br>Ekonomi<br>Ukur Tanah | Kepujian 6 |
| *E | Lukisan atau<br>Lukisan Geometrik & Bangunan<br>Lukisan Geometrik & Mekanik<br>Pembinaan Bangunan | Kepujian 4 |

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat keperluan kumpulan seperti tercatat di atas.

*Calon-calon yang tidak mencukupi syarat kumpulan E, diwajibkan menduduki Ujian Khas Lukisan dan Temuduga yang akan diadakan di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

KURSUS: AP14 Diploma in Quantity Surveying
JANGKA MASA: 3 TAHUN
KELAYAKAN MASUK: LULUS SPM/MCE DENGAN MENDAPAT KEPUJIAN DALAM MATAPELAJARAN BERIKUT:-

| Kumpulan | Matapelajaran-matapelajaran terkandung di dalam kumpulan | Kelulusan minima yang diperlukan |
|---|---|---|
| A | Bahasa Malaysia dan | Kepujian 6 |
| | Bahasa Inggeris | Lulus |
| B | Matematik atau<br>Matematik Tambahan<br>Matematik Tulin<br>Matematik Gunaan | Kepujian 6 |
| C | Rampaian Sains atau<br>Sains Tambahan<br>Fizik<br>Kimia<br>Sains Fizikal | Kepujian 6 |
| D | Geografi atau<br>Sejarah<br>Ekonomi<br>Perdagangan<br>Prinsip-Prinsip Perakaunan<br>Ukur Tanah<br>Pembinaan Bangunan<br>Lukisan<br>Geometri dan Bangunan | Kepujian 6 |
| E | Dalam salah satu matapelajaran kumpulan B, C atau D | Kepujian 6 |

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat keperluan kumpulan seperti tercatat di atas, iaitu mesti mendapat sekurang-kurangnya kepujian dalam Bahasa Malaysia dan lulus Bahasa Inggeris, bersama empat lagi kepujian iaitu satu dari tiap-tiap kumpulan B, C dan D dan lagi satu dari mana-mana kumpulan B, C atau D.

KURSUS: AP15 Diploma in Estate Management
JANGKAMASA: 3 TAHUN
KELAYAKAN MASUK: LULUS SPM/MCE DENGAN MENDAPAT KEPUJIAN DALAM MATAPELAJARAN BERIKUT:-

| Kumpulan | Matapelajaran-matapelajaran terkandung di dalam kumpulan | Kelulusan minima yang diperlukan |
|---|---|---|
| A | Bahasa Malaysia dan<br>Bahasa Inggeris | Kepujian 6<br>Lulus |
| B | Matematik atau<br>Matematik Moden<br>Matematik Tambahan<br>Matematik Tulin<br>Matematik Gunaan | Kepujian 6 |
| C | Tiga matapelajaran lain | Kepujian 6 |

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat keperluan kumpulan seperti tercatat di atas.

KURSUS: AP16 Diploma in Building
JANGKAMASA: 4 TAHUN
KELAYAKAN MASUK: LULUS SPM/MCE DENGAN MENDAPAT KEPUJIAN DALAM MATAPELAJARAN BERIKUT:-

| Kumpulan | Matapelajaran-matapelajaran terkandung di dalam kumpulan | Kelulusan minima yang diperlukan |
|---|---|---|
| A | Bahasa Malaysia dan<br>Bahasa Inggeris | Kepujian 6<br>Lulus |
| B | Matematik atau<br>Matematik Tambahan | Kepujian 6 |
| C | Rampaian Sains atau<br>Rampaian Sains Tambahan<br>Fizik<br>Kimia | Kepujian 6 |

| Kumpulan | Matapelajaran-matapelajaran terkandung di dalam kumpulan | Kelulusan minima yang diperlukan |
|---|---|---|
| D | Geografi atau<br>Sejarah<br>Perdagangan<br>Prinsip Akaun<br>Ilmu Ukur<br>Binaan Bangunan<br>Lukisan<br>Lukisan Geometrik dan Mekanik | Kepujian 6 |
| E | Salah satu matapelajaran daripada kumpulan B atau C | Kepujian 6 |
| F | ATAU | |
| | Calon-calon yang mempunyai Sijil Politeknik Ungku Omar atau setaraf dengannya boleh juga dipertimbangkan. | |

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat keperluan kumpulan seperti tercatat di atas .

KURSUS: AP17 Diploma in Interior Design
JANGKAMASA: 3 TAHUN
KELAYAKAN MASUK: LULUS SPM/MCE DENGAN MENDAPAT KEPUJIAN DALAM MATAPELAJARAN BERIKUT:-

| Kumpulan | Matapelajaran-matapelajaran terkandung di dalam kumpulan | Kelulusan minima yang diperlukan |
|---|---|---|
| A | Bahasa Malaysia dan<br>Bahasa Inggeris | Kepujian 6<br>Lulus |
| B | Matematik atau<br>Matematik Moden<br>Matematik Tambahan<br>Matematik Tulin<br>Matematik Gunaan<br>dan | Kepujian 6<br><br><br><br><br>Lulus |

| Kumpulan | Matapelajaran-matapelajaran terkandung di dalam kumpulan | Kelulusan minima yang diperlukan |
|---|---|---|
| | Rampaian Sains<br>Sains Tambahan<br>Fizik<br>Kimia<br>Sains Fizikal | |
| | ATAU | |
| | Rampaian Sains<br>Rampaian Sains Tambahan<br>Fizik<br>Kimia<br>Sains Fizikal | Kepujian 6 |
| | dan<br>Matematik<br>Matematik Moden<br>Matematik Tambahan<br>Matematik Tulin<br>Matematik Gunaan | Lulus |
| C | Geografi atau<br>Sejarah<br>Ilmu Ukur<br>Ekonomi<br>Perdagangan<br>Prinsip Akaun | Kepujian 6 |
| *D | Lukisan atau<br>Lukisan Geometrik & Bangunan<br>Lukisan Geometrik & Mekanik | Kepujian 4 |
| E | Salah satu matapelajaran daripada kumpulan di atas.<br>ATAU<br>lain-lain matapelajaran yang sesuai. | Kepujian 6 |

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat keperluan kumpulan seperti tercatat di atas.

*Calon-calon yang tidak mencukupi syarat D. diwajibkan menduduki Ujian Khas Lukisan dan Temuduga di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

KURSUS: AP18 Diploma in Landscape Design
JANGKAMASA: 3 TAHUN
KELAYAKAN MASUK: LULUS SPM/MCE DENGAN MENDAPAT KEPUJIAN DALAM MATAPELAJARAN BERIKUT:-

| Kumpulan | Matapelajaran-matapelajaran terkandung di dalam kumpulan | Kelulusan minima yang diperlukan |
|---|---|---|
| A | Bahasa Malaysia dan<br>Bahasa Inggeris | Kepujian 6<br>Lulus |
| B | Matematik atau<br>Matematik Tambahan | Kepujian 6 |
| C | Rampaian Sains atau<br>Fizik<br>Kimia<br>Biologi<br>Sains Fizikal | Kepujian 6 |
| D | Geograti atau<br>Ukur Tanah | Kepujian 6 |
| *E | Lukisan atau<br>Lukisan Geometrik & Bangunan<br>Lukisan Geometrik & Mekanik | Kepujian 4 |

Calon-calon mestilah memenuhi syarat-syarat keperluan kumpulan seperti tercatat di atas.

*Calon-calon yang tidak mencukupi syarat kumpulan E, diwajibkan menduduki Ujian Khas Lukisan dan Temuduga yang akan diadakan di pusat-pusat yang telah ditetapkan.

KURSUS: AP21 Advanced Diploma in Town And Regional Planning
JANGKA MASA: 2 TAHUN

Kelulusan Yang Diperlukan

Calon-calon yang berminat mestilah Lulus SPM/MCE atau lain-lain kelulusan yang setaraf dengannya serta:-

i. Lulus Diploma Perancang Bandar dan Wilayah, ITM dengan mendapat CGPA 2.8 atau lebih. (kemasukan terus dari Diploma Perancang Bandar dan Wilayah, ITM)

atau

ii. Lulus Diploma Perancang Bandar dan Wilayah, ITM dengan mendapat CGPA 2.5 atau lebih berserta sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja yang diiktiraf.

atau

iii. Mempunyai Diploma sekurang-kurangnya kelas kedua dari UTM berserta dengan sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja yang diiktiraf.

atau

iv. Mempunyai Ijazah berkaitan dengan Perancangan Bandar dari USM

dan

v. Lulus temuduga dari ahli Lembaga Pemilihan Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah, ITM.

vi. Lulus ujian kecerdasan

---

KURSUS: AP23 Advanced Diploma in Architecture
JANGKA MASA: 2 TAHUN

Kelulusan yang diperlukan.

(A) **Calon-calon lulusan UTM:**

Mestilah mempunyai Diploma dan kelulusan yang setaraf dengannya serta mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya dua tahun, lulus kesemua peperiksaan Pembantu Teknik Kerajaan dan perlu di temuduga.

(B) **Calon-calon lulusan USM:**

Mestilah mempunyai Ijazah Sarjana Muda Perumahan Bangunan dan Perancangan dan sekurang-kurangnya berpengalaman bekerja setahun.

(C) **Calon-calon lulusan ITM:**

Mestilah mempunyai Diploma Senibina ITM dan sekurang-kurangnya berpengalaman setahun. Bagi lulusan Diploma Senibina yang mendapat Gred Point 2.75 ke atas dalam matapelajaran Design dan CGPA atau GPA 2.65 pada semester 8 layak dipertimbangkan untuk meneruskan pelajaran ke Diploma Lanjutan Senibina tanpa setahun pengalaman praktik.

KURSUS: AP24 Advanced Diploma in Quantity Surveying
JANGKAMASA: 2 TAHUN

Kelulusan yang diperlukan

1. Lulus Diploma Ukur Bahan dari ITM atau UTM dengan mendapat CGPA 2.5 atau lebih, beserta sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman bekerja. *ATAU*
2. Calon-calon yang mempunyai CGPA antara 2.3 atau 2.5 beserta lebih 1 tahun pengalaman bekerja yang diiktiraf boleh juga dipertimbangkan.

KURSUS: AP25 Advanced Diploma in Estate Management
JANGKA MASA: 2 TAHUN

Kelulusan yang diperlukan

A. Lulus Diploma in Estate Management dari ITM dengan mendapat CGPA 2.5 atau lebih.

Atau

B. Calon-calon yang mempunyai CGPA antara 2.3 dan 2.5 beserta dengan sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman bekerja yang diiktiraf boleh juga dipertimbangkan.

Atau

C. Mempunyai Diploma berkaitan dari UTM beserta dengan sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja yang diiktiraf.

---

KURSUS: AP26 Advanced Diploma in Building
JANGKAMASA: 2 TAHUN

Syarat Kelayakan:

Lulus Diploma in Building dari ITM dengan mendapat CGPA sekurang-kurangnya 2.90

Atau

Calon-calon yang mempunyai CGPA tidak kurang daripada 2.50 berserta sekurang-kurangnya 1 tahun pengalaman bekerja di bidang bangunan atau berkaitan boleh juga dipertimbangkan.

Atau

Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang setaraf dengan Diploma Bangunan berserta:-

- Sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja di bidang bangunan atau berkaitan.

atau

- Mencapai keahlian ditaraf 'Associate' dalam Chartered Institute of Building (CIOB) United Kingdom.

atau

Lain-lain kelulusan yang diakui setaraf mesti mencapai Himpunan Purata Nilaian Mata (CGPA) seperti di atas atau bersamaan.

Nota: Semua calon-calon yang layak akan ditemuduga.

KAJIAN SAINS GUNAAN
(School of Applied Sciences)

| KURSUS | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|
| AS 10 | Diploma in Planting Industry and Management | 3 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran Matematik, Biologi dan satu kepujian lain dalam matapelajaran Sains serta lulus dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. |
| AS 13 | Diploma in Rubber and Plastic Technology | 3 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam matapelajaran berikut:- 1. Matematik atau Matematik Tambahan. 2. Dua matapelajaran Sains. dan 3. Lulus Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. |
| AS 14 | Diploma in Microbiology | 4 | -SAMA- |
| AS 15 | Diploma in Industrial Chemistry | 4 | -SAMA- |
| AS 16 | Diploma in Food Technology | 4 | -SAMA- |
| AS 17 | Diploma in Wood Technology | 4 | -SAMA- |
| AS 18 | Diploma in Textile Technology | 3 | -SAMA- |
| AS 19 | Diploma in Science | 2½ | -SAMA- |
| AS 01 | Pre Science | 1 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat: 1. Kepujian dalam Matematik atau Matematik Tambahan. 2. Satu kepujian dalam mana-mana matapelajaran Sains dan 3. Lulus dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. |

Untuk pemohon dari Sabah sahaja.

| KURSUS | | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|---|

KAJIAN PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN
(School of Business and Management)

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| BM | 09 | Certificate in Insurance | 1 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat:<br>1. Kepujian dalam Bahasa Inggeris dan<br>2. Kepujian dalam Bahasa Malaysia |
| BM | 11 | Diploma in Business Studies | 3 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan dua matapelajaran lain. |
| BM | 12 | Diploma in Banking Studies | 3 | - SAMA - |
| BM | 14 | Diploma in Investment Analysis | 3 | i) Pelajar-pelajar ITM yang dipilih dari kursus Diploma in Business Studies dan Diploma in Banking Studies yang sedang mengikuti pengajian di Semester 2.<br>ii) Mempunyai CGPA tidak kurang dari 3.00 |
| BM | 16 | Advanced Diploma in Business Administration (Transport) | 4 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Matematik dan dua matapelajaran lain. |
| BM | 20 | Advanced Diploma in Business Studies (Marketing) | 2 | i) Lulus Diploma in Business Studies dari ITM atau diploma yang diiktiraf setaraf dengannya dengan CGPA 2.50 atau lebih. |

| KURSUS | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|
| | | | ii) Calon-calon yang mempunyai CGPA kurang dari 2.50 berserta sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman bekerja yang diiktiraf boleh juga memohon. |
| BM 21 | Advanced Diploma in Business Studies (Insurance) | 2 | - SAMA - |
| BM 51 | Institute of Marketing (UK) | 3 | i) Lulus SPM/MCE dengan mendapat 5 kepujian di mana dua daripadanya mestilah Bahasa Inggeris (121) atau (122) dan Matematik. Calon mestilah juga mempunyai sekurang-kurangnya satu tahun pengalaman bekerja dalam bidang pemasaran.<br>ATAU<br>ii) Lulus 1 Prinsipal (Kertas Am tidak dikira) di peringkat STP/HSC/STPM atau setaraf dan 4 kepujian lain di peringkat SPM/MCE atau setaraf termasuk Bahasa Inggeris (121) atau (122) dan Matematik. |
| BM 52 | Chartered Institute of Transport(UK) | 3 | Lulus 2 prinsipal (Kertas Am tidak dikira) di peringkat STP/HSC/STPM atau setaraf dan mendapat kepujian dalam matapelajaran Bahasa Inggeris (121) atau (122) dan Matematik di peringkat SPM/MCE atau yang setaraf dengannya. |
| BM 53 | Malaysian Insurance Institute | 3 | Lulus Certificate in Insurance dari ITM |

| KURSUS | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
| --- | --- | --- | --- |
| | | | ATAU<br>Lulus HSC/STPM/STP dengan mendapat:<br>i) Lulus penuh dalam dua matapelajaran (tidak termasuk Kertas Am)<br>ATAU<br>ii) Lulus sebahagian dalam dua matapelajaran lain.<br>Lulus SPM/MCE dengan mendapat<br>i) Kepujian dalam Bahasa Inggeris (121) atau (122)<br>ii) Kepujian dalam Matematik |
| BM 54 | Bachelor of Bussiness Administration (BBA) | 2 | 1. Lulus Diploma ITM (3 tahun atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan<br>2. Memperolehi sekurang-kurangnya "Culmulative Grade Point Average" 2.50. Bagi calon-calon dari Institusi yang tidak menggunakan sistem "Grade Point Average" permohonan mereka akan dipertimbangkan mengikut kelulusan dan kelayakan masing-masing dan<br>3. Memperolehi sekurang-kurangnya 450 mata dalam TOEFL dan memperolehi sekurang-kurangnya 6 daripada 21 mata dalam Aritmetic Reasoning Test yang dikelolakan oleh BBA Program, ITM dengan MACEE, pengelola peperiksaan TOEFL. Pelajar yang mengambil peperiksaan akhir pada bulan Mei boleh juga memohon. |

| KURSUS | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|
| Nota: Kursus ini dijalankan secara sepenuh masa di ITM Shah Alam. Pelajar yang menamatkan kursus ini dengan jayanya akan menerima ijazah dari Universiti Ohio, Athens, U.S.A. | | | |
| | | | iii) Kepujian dalam tiga matapelajaran lain. |
| BM 55 | Australian Insurance Institute (Sesi Januari sahaja) | 3 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat kepujian dalam Bahasa Inggeris, Matematik dan dua kepujian lain. |
| KP 04 | Pre-Commerce | ½-1 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat tiga. |
| | Untuk pemohon dari Sabah dan Sarawak sahaja. | | |
| EMBA | Executie Master of Business Administration | 2½ | 1. Lulus di peringkat Ijazah Sarjana Muda (Bachelors) dalam sebarang bidang atau kelulusan yang setaraf dengannya, diiktiraf oleh pihak JPA.<br>2. 5 tahun pengalaman bekerja di peringkat pengurusan/ profesional (managerial/ professional level) selepas memperolehi ijazah pertama.<br>3. Lulus ujian kelayakan (screening test yang diadakan oleh program ini atau memperolehi GMAT 450 mata.<br>4. Mendapat restu dari majikan dan memastikan bahawa calon tidak ditugaskan ke luar negeri atau mana-mana tempat sepanjang tempoh kursus berjalan supaya calon dapat mengikuti kuliah terus menerus. |

| KURSUS | | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|---|

Nota: Kursus peringkat Ijazah Sarjana dijalankan secara separuh masa (part-time) di ITM Shah Alam. Pelajar yang menamatkan kursus ini dengan jayanya akan menerima ijazah dari Universiti Ohio, Athens U.S.A. Kemasukan ke kursus ini dibuat satu kali dalam 2 tahun iaitu bagi kemasukan sessi Julai.

KAJIAN SAINS MATEMATIK DAN KOMPUTER
(School of Mathematical Sciences and Computer)

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| CS | 02 | Pre Diploma in Computer Science | ½ | Lulus SPM/MCE dengan mendapat:<br>i) Kepujian dalam Matematik<br>ii) Kepujian dalam Matematik Tambahan<br>iii) Dua kepujian lain<br>iv) Sekurang-kurangnya lulus dalam Bahasa Malaysia<br><br>Pelajar yang tamat dengan jayanya akan diserapkan ke kursus Diploma in Computer Science. |
| CS | 10 | Diploma in Computer Science | 3 | Lulus SPM/MCE dengan mendapat:<br>i) Kepujian dalam Bahasa Malaysia dan Lulus Bahasa Inggeris atau lulus Bahasa Malaysia dan kepujian dalam Bahasa Inggeris.<br>ii) Kepujian dalam matapelajaran Matematik, Matematik Tambahan dan 2 kepujian lain |
| CS | 11 | Diploma in Statistics | 3 | - SAMA - |
| CS | 12 | Diploma in Actuarial Science | 4 | - SAMA- |
| CS | 21 | Advanced Diploma in Statistics | 2 | Lulus Diploma in Statistics dari ITM<br>i) CGPA 2.60 atau lebih<br><br>ATAU |

| KURSUS | | | JANGKA MASA KURSUS (TAHUN) | KELAYAKAN MASUK |
|---|---|---|---|---|
